

**PERBANDINGAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR  
DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM MELALUI PROGRAM LATIHAN  
INDUSTRI DI POLITEKNIK**

JULIAWATI BINTI JAMA'ON

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

NOVEMBER, 2007

*Penulisan ini ditujukan*

*Khas buat insan tersayang*

*Emak (Pn. Mahua Bt Surip) dan abah (En. Jama'on B Suratmin)  
Along, Ude, Anom, Sasa, Mazni dan Iman  
Jalahuddin B Muzakaria*

*dan*

*Sekalung penghargaan tanda ingatan buat..*

*En. Shariman B Mustafa*

*rakan-rakan seperjuangan - intan, illa, isma, akma, elis & seluruh pelajar  
sarjana UTHM semester 3 sesi 1 (2007/2008)*

*Terima kasih*

## PENGHARGAAN

### **Dengan kalimah suci. Ku panjatkan kesyukuran pada-Mu Ilahi...**

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat penyelia projek sarjana Encik Shariman Bin Mustafa kerana telah banyak meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan selama hampir setahun perjalanan projek sarjana ini. Segala teguran dan nasihat yang diberikan oleh beliau adalah pemangkin untuk kajian ini dapat dihasilkan dengan sempurna dan dengan jayanya.

Terima kasih kepada Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau Merlimau (PMM), Encik Rosli Bin Hamid dan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PMM, Encik Kamaludin Bin Daud yang membenarkan saya menjalankan kajian di PMM serta telah memberi kerjasama dan bantuan yang bersungguh-sungguh.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah dan staf-staf di UTHM dan PMM kerana sudi memberikan bantuan dan kerjasama yang sewajarnya. Untuk teman-teman seperjuangan, terima kasih kerana menghulurkan bantuan tanpa mengira masa.

Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam memberikan bantuan kepada saya sepanjang proses menyiapkan projek sarjana ini.

Wassalam.

## ABSTRAK

Kemahiran insaniah (KI) adalah satu keperluan yang penting dalam kalangan pelajar politeknik. Penguasaan elemen-elemen kemahiran insaniah menjamin seseorang individu untuk bersaing dalam era globalisasi. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dibangunkan merangkumi elemen-elemen KI iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membandingkan KI dalam kalangan pelajar diploma kejuruteraan awam melalui program latihan industri di politeknik. Kajian adalah berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual yang melibatkan 265 orang pelajar diploma kejuruteraan awam Politeknik Merlimau, Melaka. Data dianalisis menggunakan ujian t tidak bersandar, ujian ANOVA sehala dan analisis deskriptif. Analisis ujian t menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran insaniah yang signifikan antara kumpulan pelajar yang belum pernah menjalani latihan industri dan kumpulan pelajar yang telah menjalani latihan industri. Manakala hasil analisis ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar mengikut tempoh masa pengajian dengan bentuk hubungan tersebut berlaku secara positif. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar mempunyai persepsi positif dan bersetuju bahawa penglibatan politeknik dan industri telah membantu pelajar menguasai kemahiran insaniah. Cadangan kepada pihak tertentu dikemukakan kerana pembangunan elemen-elemen kemahiran insaniah masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

## ABSTRACT

Soft skills are important necessity among polytechnic student. Ability to mastery the soft skills will ensure individual continuously relevant and able to compete in globalization era which is full of challenges. Soft Skill Module for Malaysian Higher Education Institute was built up include several elements that is communications skills, creative thinking and problem solving, teamwork skills, lifelong learning and information management, entrepreneurial skills, ethic and professional moral and leadership skills. The purpose of this study is to compare the soft skills among civil engineering students passing the industrial training. An interview and questionnaire had been carried out which involved 265 civil engineering student of Polytechnic Merlimau, Melaka. T test, ANOVA test and descriptive analysis are use to analyze the data. The T test revealed that there is a significant different in soft skills between groups not passing the industrial training compare to group were passing the industrial training. While the ANOVA test revealed that there is a significant different in soft skills among student within learning period with the positive relationship. The findings also revealed that majority student was agreeing that industry and polytechnic involved was help student acquits the soft skills. The suggestions were made for several parties because the development soft skills elements still have a chance to be improved.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi

### **BAB I      PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9

1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Batasan Kajian	12
1.10	Definisi Konseptual Dan Pengoperasian	12
	1.10.1 Industri	13
	1.10.2 Latihan	13
	1.10.3 Latihan Industri	13
	1.10.4 Kemahiran Insaniah	14
	1.10.5 Kemahiran Generik	14
	1.10.6 Kemahiran Komunikasi	14
1.11	Kerangka Kerja	15

## BAB II

## SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Keperluan Majikan Terhadap Graduan	20
2.3	Keperluan Sistem Latihan di Politeknik	23
	2.3.1 Latihan Industri	23
2.4	Kemahiran Insaniah (KI)	26
	2.4.1 Kemahiran Komunikasi	30
	2.4.2 Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	32
	2.4.3 Kemahiran Kerja Berpasukan	34
	2.4.4 Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	35
	2.4.5 Kemahiran Keusahawanan	36
	2.4.6 Kemahiran Kepemimpinan	37
2.5	Kesimpulan	38

### **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Kerangka Operasi Kajian	40
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	43
3.6	Pembinaan Soal Selidik	44
3.7	Kaedah Analisis Data	47
3.8	Kajian Rintis	48
3.9	Andaian kajian	50
3.10	Jangkaan Dapatan	50

### **BAB IV      ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	51
4.2	Latar Belakang Responden	52
4.3	Analisis Kemahiran Insaniah	55
	4.3.1 Kemahiran Insaniah	56
	4.3.2 Kemahiran Komunikasi	58
	4.3.3 Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	59
	4.3.4 Kemahiran Kerja Berpasukan	61
	4.3.5 Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat	62
	4.3.6 Kemahiran Keusahawanan	63
	4.3.7 Etika Dan Moral Profesional	64
	4.3.8 Kemahiran Kepemimpinan	65



4.3.9	Perbezaan Kemahiran Insaniah Antara Pelajar Semester Tiga (3) Dan Pelajar Semester Lima (5)	66
4.4	Kemahiran Insaniah Pelajar Mengikut Tempoh Masa Pengajian	66
4.4.1	Ujian Korelasi <i>Pearson</i>	68
4.5	Tahap Kemahiran Insaniah	69
4.5.1	Kemahiran Komunikasi	70
4.5.2	Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	71
4.5.3	Kemahiran Kerja Berpasukan	71
4.5.4	Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat	71
4.5.5	Kemahiran Keusahawanan	72
4.5.6	Etika Dan Moral Profesional	72
4.5.7	Kemahiran Kepemimpinan	72
4.6	Pendapat Responden Berkaitan Kemahiran Insaniah.	73
4.7	Persepsi Responden Terhadap Penglibatan Politeknik Dan Industri	75
4.8	Kesimpulan	76

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	77
5.2	Perbincangan	78
5.2.1	Latar Belakang Responden	78

5.2.2	Kemahiran Insaniah Antara Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Yang Belum Pernah Menjalani Latihan Industri Dan Pelajar Yang Telah Menjalani Latihan Industri	79
5.2.3	Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Mengikut Tempoh Masa Pengajian	83
5.2.4	Tahap Kemahiran Insaniah Yang Dimiliki Oleh Pelajar Politeknik Yang Belum Pernah Menjalani Latihan Industri Dan Pelajar Yang Telah Menjalani Latihan Industri	83
5.2.5	Persepsi Pelajar Terhadap Penglibatan Politeknik Dan Industri Dalam Membantu Pelajar Menguasai Kemahiran Insaniah	84
5.3	Kesimpulan	86
5.4	Cadangan	87
5.4.1	Cadangan Kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	87
5.4.2	Cadangan Kepada Pengurusan dan Pentadbiran Politeknik	88
5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.5	Penutup	89

<b>RUJUKAN</b>	90
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	95
-----------------	----

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Item-item Soal Selidik	45
3.2	Aras Kemahiran Bagi Item Soal Selidik Bahagian B	46
3.3	Aras Persetujuan Bagi Item Soal Selidik Bahagian C	46
3.4	Pengelasan Skala Min Yang Digunakan Dalam Kajian	46
3.5	Penggunaan Analisis Statistik Dalam Kajian	47
3.6	Nilai <i>Alpha</i> Bagi Kajian Rintis	49
4.1	Latar Belakang Responden	52
4.2	Analisis Ujian- <i>t</i> Kemahiran Insaniah Bagi Kumpulan Responden Yang Belum Pernah Menjalani LI dan Kumpulan Responden Yang Telah Menjalani LI	56
4.3	Analisis Ujian- <i>t</i> Setiap Elemen Kemahiran Insaniah Bagi Kumpulan Responden Yang Belum Pernah Menjalani LI dan Kumpulan Responden Yang Telah Menjalani LI	57
4.4	Analisis Ujian <i>t</i> Kemahiran Insaniah Antara Pelajar Semester Tiga (3) Dan Pelajar Semester Lima (5)	66

4.5	Analisis Ujian ANOVA Bagi Kemahiran Insaniah Pelajar Mengikut Tempoh Masa Pengajian	67
4.6	Analisis Korelasi <i>Pearson</i>	68
4.7	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	69
4.8	Analisis Skor Min Kemahiran Insaniah	70
4.9	Pendapat Responden Berkaitan Kemahiran Insaniah	73
4.10	Persepsi Responden Terhadap Penglibatan Politeknik Dan Industri Dalam Menguasai Kemahiran Insaniah Responden	75



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Pembangunan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar IPT	16
1.2	Kerangka Kerja Kemahiran Insaniah	17
3.1	Kerangka Operasi	42
3.2	Contoh Sistem Koding Data Temu Bual	44



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
KI	-	Kemahiran Insaniah
KIM	-	Kemahiran Insaniah Mesti
KIT	-	Kemahiran Insaniah Tambahan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
LI	-	Latihan Industri
PMM	-	Politeknik Merlimau, Melaka
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMK-9	-	Rancangan Malaysia Kesembilan
SLSM	-	Skim Latihan Siswazah Menganggur
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	95
B	Data Temu Bual	102
C	Keputusan Kajian Rintis ( <i>Alpha Cronbach</i> )	109
D	Analisis Kajian Sebenar	117
E	Surat Pengesahan Pakar	140
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	144



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pembinaan sebuah negara maju menjadi nadi kekuatan pentadbiran kerajaan selama beberapa dekad yang lalu. Kerajaan konsisten dan proaktif dalam melaksanakan dasar-dasar yang digubal serta menggunakan panduan yang dirancang melalui Rancangan Malaysia. Sejak selepas merdeka, kerajaan merangka, membahaskan, menggubal, melaksana dan mengkaji semula pelbagai dasar mengikut kesesuaian pelaksanaan dan peredaran masa.

Pembangunan modal insan yang menjadi teras utama RMK-9 akan dilaksanakan secara lestari merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek yang praktikal dengan menggariskan lapan pendekatan strategik (Abdullah, 2006a). Ini termasuk keupayaan keusahawanan, pengetahuan sains dan teknologi, memiliki sikap, nilai dan etika positif lagi progresif menerusi pendidikan selain latihan serta



pembelajaran sepanjang hayat dengan mempertingkatkan penyampaian bidang pendidikan, latihan teknikal dan vokasional (Berita Harian, 2006).

Perkembangan persekitaran digital global memberi kesan besar kepada usaha memajukan ekonomi Malaysia berasaskan pengetahuan berdaya saing yang tinggi dalam bidang-bidang seperti pertanian, pendidikan, pembangunan dan teknologi. Pembangunan tenaga kerja mahir menuntut pelaksanaan yang besar kepada pendidikan terutamanya pendidikan teknik dan vokasional. Proses membangunkan tenaga kerja mahir yang mempunyai nilai sedia ada dan nilai tambah memerlukan satu institusi yang menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pembangunan modal insan yang berkualiti mempunyai kaitan dan dipengaruhi oleh bidang pengajaran dan pembelajaran. Proses pembelajaran dan pengajaran yang diterima oleh setiap individu secara langsung mahupun tidak langsung jika diamalkan semaksimum mungkin akan dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan individu tersebut. Sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia masih lagi terikat dengan sistem pendidikan akademik bukan sahaja pada pendidikan sains dan teknologi sepenuhnya, dengan itu sistem ini belum mampu melahirkan para pelatih yang

berpengetahuan, berkemahiran teknikal dan keupayaan komunikasi sekalipun ekonomi negara sedang mengalami perubahan (Chek Mat, 2000).

Salah satu pendekatan yang dijalankan oleh pihak institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan kualiti dan pengetahuan kemahiran pelajar adalah dengan mewajibkan pelajar menjalani program latihan yang dikenali sebagai Latihan Industri (LI). Program ini telah dijalankan oleh kebanyakan institut pengajian tinggi awam mahupun swasta. Antara institut pengajian tinggi awam yang paling kompeten dalam menjalankan program LI adalah politeknik dan kolej komuniti.

Program LI sedia ada memang telah menunjukkan kesan yang positif dan amat membanggakan dalam membantu pelajar meningkatkan pengetahuan dalam proses pembelajaran. Pelajar yang menjalani LI dilihat mempunyai peningkatan dalam kemahiran generik (Syarifah Anita, 2002 dan Mohd. Fadly, 2005). Namun, jika dilihat dari penilaian yang dijalankan terhadap keberkesanan LI, hanya mengambil kira penilaian daripada pensyarah penilai dan penyelia latihan yang disediakan oleh industri. Amat sedikit penilaian yang dibuat sendiri oleh pelajar, dan komen-komen pelajar masih kurang diambil kira dalam pelaksanaan program LI.

Wujud isu yang dibangkitkan oleh pelajar politeknik yang telah selesai menjalani LI bahawa mereka tidak diberi peluang menjalankan tugas-tugas berkaitan bidang pengkhususan yang dipelajari semasa LI. Isu ini dibangkitkan mungkin disebabkan industri yang kurang kompeten dan telus dalam menerapkan penggunaan kemahiran teknikal kepada pelajar. Persoalan timbul apabila pelajar tidak didedahkan kepada aktiviti kemahiran yang bersesuaian dengan bidang pengkhususan pelajar. Pelajar juga tidak digalakkan dan diberi peluang yang luas untuk berkomunikasi, bekerja dengan kumpulan yang lebih senior dan pekerja lain tidak memberi tunjuk ajar serta kurang menunjukkan moral dan etika kerja yang sebenar kepada pelajar. Sebagai contoh,

pelajar hanya dibebani dengan kerja-kerja perkeranian dan aktiviti di dalam pejabat seperti menaip, menyediakan minit mesyuarat, kerja fotokopi dan menyiapkan laporan.

Program LI bertujuan memberi pendedahan tentang suasana kerja yang sebenar (Mohd. Fadly, 2005) serta menghubungkan kefahaman teori dan amali yang telah dipelajari. Selain itu, LI memupuk kompeten pelajar terhadap pembinaan personaliti individu yang positif, amalan etika kerja, penulisan laporan dan kemahiran insaniah (KI) (UPLI PMM, 2007). KI merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (KPTM, 2006).

Walau bagaimanapun, kemahiran insaniah yang sering kali menjadi keutamaan yang perlu diterapkan kepada pelajar semasa latihan adalah kemahiran pelajar berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain sama ada rakan sekerja, pekerja bawahan dan orang atasan. Kemahiran berkomunikasi boleh dikuasai melalui proses pembelajaran (Rosli Abd. Rahman, 1997). Perlu difahami bahawa latihan yang dilalui oleh pelajar semasa latihan industri juga merupakan satu proses pembelajaran. Melalui interaksi, seseorang itu dapat bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman dengan individu lain. Individu yang mempunyai kemahiran berkomunikasi mempunyai peluang lebih baik untuk menyesuaikan dirinya dengan persekitarannya. Dewasa ini kebanyakan majikan mendapati kekurangan keterampilan siswazah merupakan faktor penyebab pihak majikan berhati-hati mengambil mereka bekerja dalam firma swasta. Ekoran dari faktor ini, sebilangan besar siswazah gagal dalam temu duga pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta. Didapati bahawa kegagalan mereka dalam kemahiran berkomunikasi ini menjadi penyebab wujud masalah dari segi pergaulan, bekerjasama, cara berkomunikasi dan dalam pengurusan konflik. (Rosli Abd. Rahman, 1997).

Adalah amat penting kemahiran teknikal dan kemahiran generik dimiliki oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Pelajar-pelajar ini adalah sumber manusia utama dalam pembangunan negara di masa akan datang. Perdana menteri Malaysia keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan dalam memasuki abad ke-21, pembangunan sumber manusia adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati kekayaan negara. Teras pembangunan sumber manusia adalah untuk menyediakan tenaga kerja yang berupaya menghadapi cabaran-cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan dilengkapi secukupnya dengan kemahiran dan kepakaran teknologi serta mempunyai kecerdasan berfikir yang tinggi.

Selain itu, penerapan nilai-nilai murni berkaitan bidang pengkhususan tidak diterapkan kepada pelajar dalam menghadapi realiti keadaan apabila bekerja kelak. Menurut Mahathir Mohamad (2001), untuk menjadi sebuah negara yang berjaya, individu mesti bersedia untuk bekerja kuat dan bijak, berdisiplin dan mempunyai etika kerja yang baik. Nilai dan etika bangsa dan negara yang murni hendaklah menjadi pegangan setiap individu kerana nilai-nilai dan etika ini yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara.

IPT dan politeknik di negara kita masih kurang memberi penekanan dalam memperkembangkan kemahiran insaniah yang merupakan keperluan asas dalam menyediakan *k-workers*. Ia dilihat seolah-olah tidak peka dengan perubahan yang berlaku pada masa kini yang mana penguasaan kemahiran generik selain kemahiran teknikal adalah sangat diperlukan selaras dengan tuntutan menyediakan sumber tenaga bagi negara dalam menghadapi persaingan di peringkat global. Manakala kurikulum yang diamalkan di politeknik dilihat lebih bersifat berpandukan kandungan atau *content driven* dan sangat kurang memberi penekanan dalam memperkembangkan kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif,

menguasai maklumat dan kemahiran bekerja secara berkumpulan (Sharifah Noor Anita, 2002).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) melalui satu jawatankuasa yang dilantik telah menggubal dan menyunting satu modul pembangunan yang dikenali sebagai Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*SoftSkills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ini menunjukkan pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) memang hangat diperkatakan sehingga kini. Sebelum penggunaan istilah KI diguna pakai, ahli profesional dan masyarakat umum menggunakan istilah Kemahiran Generik untuk mentafsirkan *SoftSkills*. KI merupakan kemahiran yang diperlukan sebagai nilai tambah terhadap pekerja selain daripada kemahiran dan kemahiran teknikal yang sedia dipelajari di pelbagai institusi pendidikan pada masa kini. KI adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Oleh itu, graduan IPT mesti menilai KI yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan harian yang kian mencabar (KPTM, 2006). KPTM berhasrat untuk menyediakan pelan pembangunan KI dalam kalangan pelajar IPT secara holistik dan terancang meliputi pelbagai aspek; aktiviti P&P formal dan tak formal, aktiviti sokongan, serta aktiviti yang melibatkan kehidupan dan persekitaran kampus. Pembangunan yang komprehensif seperti ini pastinya memerlukan perancangan teliti yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Politeknik sebagai sebuah IPT secara tidak langsung menyediakan pelajar dengan satu program latihan yang mempunyai potensi menerapkan KI dalam diri pelajar iaitu melalui LI. Namun begitu, kepastian terhadap proses menilai tambah pelajar



dengan KI melalui LI masih boleh dipersoalkan kerana kekangan-kekangan yang berlaku dalam proses pelaksanaan LI itu sendiri. Menurut Mohd. Fadly (2005), LI ada kalanya tidak menampakkan kesan yang agak memberangsangkan disebabkan oleh kurangnya kerjasama antara pihak politeknik dan industri yang terlibat. Industri pula sememangnya amat memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran generik bagi mempertingkatkan produktiviti dan kualiti dalam melaksanakan tugas (Meor Shaiful Azuan, 2005). Kelihatan seolah-olah terdapat ketidakseimbangan dalam pelaksanaan latihan di politeknik dan permintaan kemahiran oleh industri. LI sebenarnya merupakan satu latihan awal untuk pelajar didedahkan kepada alam pekerjaan dan secara tidak langsung memahami keperluan permintaan di industri. Kajian terdahulu melihat KI dalam kalangan pelajar yang telah menjalani LI sahaja seperti kajian yang dilakukan oleh Saiful Azizi (2004) dan Mohd. Fadly (2005).

Untuk mengenal pasti pelajar politeknik mempunyai ciri-ciri KI seperti yang di perlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan industri maka kajian yang bersesuaian perlu dilakukan. Apatah lagi belum terdapat kajian terhadap KI yang dijalankan dalam kalangan pelajar yang belum pernah menjalani LI dan pelajar yang telah menjalani LI. Kajian seperti ini penting untuk melihat prestasi KI yang ada dalam kalangan pelajar di politeknik sepanjang pengajian dan setelah berada dalam persekitaran industri. Kajian ini seharusnya dijalankan untuk mengenal pasti dan sama ada keterampilan pelajar politeknik dalam KI telah wujud melalui pelaksanaan kurikulum dan program latihan yang dijalankan oleh politeknik. Ianya merupakan satu keperluan sebelum pelaksanaan menyeluruh modul pembangunan KI di laksanakan di seluruh IPT agar politeknik mengetahui kesan yang diterima pelajar terhadap KI melalui pelaksanaan kurikulum dan program latihan itu sendiri.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan kemahiran insaniah antara pelajar politeknik yang belum pernah menjalani latihan industri dan pelajar yang telah menjalani latihan industri.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar politeknik mengikut tempoh masa pengajian di politeknik.
- iii. Menilai kemahiran insaniah pelajar politeknik yang belum pernah menjalani latihan industri dan pelajar yang telah menjalani latihan industri.
- iv. Mengetahui persepsi pelajar terhadap penglibatan politeknik dan industri dalam membantu pelajar menguasai kemahiran insaniah.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan melibatkan persoalan seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran insaniah antara pelajar diploma kejuruteraan awam politeknik yang belum pernah menjalani latihan industri dan pelajar yang telah menjalani latihan industri?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar diploma kejuruteraan awam politeknik mengikut tempoh masa pengajian?
- iii. Apakah tahap kemahiran insaniah yang dimiliki oleh pelajar politeknik yang belum pernah menjalani latihan industri dan pelajar yang telah menjalani latihan industri?
- iv. Sejauh manakah persepsi pelajar terhadap penglibatan politeknik dan industri dalam membantu pelajar menguasai kemahiran insaniah.





## RUJUKAN

Abdullah Ahmad Badawi (2006a). "*Ucapan Pembentangan Bajet 2007.*" Kuala Lumpur.

Abdullah Ahmad Badawi (2006b). "*Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9).*" Kuala Lumpur.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). "*Komunikasi di Tempat Kerja.*" Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Adham bin Baba (2005). "*Laporan Parlimen Kesebelas.*"

<http://www.malaysia-today.net/parlimen/2005/04/rancangan-dan-langkah-melahirkan.htm>.

Tarikh dicapai 1 Mac 2007.

Ahmad Esa, Jailani Md. Yunos dan Noraini Kaprawi (2005). "*Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum Di Politeknik.*" *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. **Jilid 7**. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia. m.s 1 – 14.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1996). "*Belajar Berfikir: Teknik Menajamkan Daya Fikir.*" Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2003). "*Bakat dan Kemahiran Pemimpin.*" Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Berita Harian (2006). "*Keluaran Khas RMK-9.*" 1 April 2006.

- Briggs, H. dan Hodgson, P. (2000). "*Generic Skills Development in Undergraduate Engineering Education in Australia.*"  
[http://www.hi.is/%7Ejoner/eaps/cs\\_gene4.htm](http://www.hi.is/%7Ejoner/eaps/cs_gene4.htm).  
Tarikh dicapai 5 September 2007.
- Chek Mat (2000). "*Pengurusan Kerjaya.*" Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. m.s 5-55.
- Chek Mat (2001). "*Penyeliaan Berkesan.*" Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2006). "*Kaedah Penyelidikan.*" Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). "*Kamus Dewan.*" Edisi Keempat.. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fong Chan Onn (2005). "*Temu Bual Dalam Harian Metro: Graduan Kerja Sumbang, Kemampuan Tidak Diyakini Majikan.*"
- Hishamuddin Md. Som (2005). "*Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows.*" Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak Yusuf dan Rahmah Ismail (1997). "*Pendidikan di Malaysia. Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia.*" Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) (2006). "*Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.*" Selangor: Universiti Putra Malaysia.

- Kartini Kamaruzaman (2001). *"Tinjauan Mengenai Keperluan LI dalam Latihan Pensyarah Politeknik: Satu Kajian Kes di Kalangan Graduan Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO."* KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Kerlinger, F.N. (1986). *"Foundations of Behavioral Research."* Forth Worth: Holt, Rinehart & Winstons.
- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (2006). *"Panduan Menulis Tesis."* Edisi Kedua. Batu Pahat, Johor: Pejabat Pengurusan Akademik
- Laman web Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.  
<http://www.politeknik.edu.my/webjan06/menu/>  
Tarikh dicapai 1 September 2007.
- Lee Fui Tong (2003). *"Identifying Essential Learning Skills in Students Engineering Education."* Monash University Malaysia.
- Mahathir Mohamad (2001). *"Pembentangan Pelan Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga (RRJP3)."* Kuala Lumpur: Dewan Rakyat.
- Meor Shaiful Azuan Abd. Said (2005). *"Kemahiran Generik Pekerja Bidang Kejuruteraan Graduan Politeknik KPT Yang Diutamakan Majikan."* KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Mohd. Fadly Abdullah (2005). *"Sumbangan LI Terhadap Peningkatan Kemahiran Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik."* KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Mohd. Hilmi Ramli (2007). *"Hijrah Mencapai Karamah Insaniah"* Perutusan Awal Muharam.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). *"Penyelidikan Pendidikan."* Edisi Pertama. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2003). *"Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan."* Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. m.s 2-34.

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). *"Program Sekolah Ke Kerjaya."*

Rahizana Mohd. Ibrahim (2002). *"Meninjau Kesediaan Awal Pelajar Politeknik Sebelum Menjalani LI Dalam Meningkatkan Pengetahuan Terhadap Alam Pekerjaan."* KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Rahmah Ismail (1996). *"Modal Manusia dan Perolehan Buruh"* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Razali Mat Zin (1996). *"Kepimpinan Dalam Pengurusan."* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Razali Mat Zin (1999). *"Pengurusan Organisasi Kerja."* Edisi kedua. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Rosli Abd. Rahman (1997). *"Kesan Latihan Kemahiran Berkomunikasi Terhadap Konsep Kendiri Pelajar Di Sebuah sekolah Menengah."* Jurnal Pendidikan Malaysia.

Samsudin Wahab (2003). *"Pengurusan dan Teknologi Pejabat."* Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Saiful Azizi Abdullah (2004). "*Pelaksanaan Program Latihan Industri Bagi Kursus SKE: Satu Kajian Di Politeknik Kota Bharu.*" KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Sharifah Noor Anita Syed Jaafar (2002). "*Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson.*" KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Stephen P Robbins (1998). *Organization Behaviour*. 8th Edition. Prentice-Hall Inc.  
 Terjemahan Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman (2000). "*Gelagat Organisasi.*" Edisi Bahasa Melayu.

Sylvia Downs (1998). "*Technology Change and Education and Training.*" *Education and Training*. **Volume 40**. Number 1. MCB University Press. m.s 18-19.

The Star (2005). "*Grads get help with English.*" Petaling Jaya, Selangor.

<http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isumei05.htm#c15>

Tarikh akses pada 24 Februari 2007.

UTM (2004). "*Atribut Graduan UTM.*" *Buletin P&P*. Edisi Jun. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Virakwan A/P Hai Kelian (2006). "*Keberkesanan Program Industrial Skills Enhancement Programme (INSEP) Dalam Membantu Peningkatan Kemahiran Kebolehpkerjaan Peserta Di Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri.*" KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

William Wiersman (2000). "*Research Methods in Educations.*" 7<sup>th</sup> edition. United State Of America: Ally & Bacon.